



RAMDZAN MASJAM | BERITA HARIAN

BANGGA: Azrene (tiga dari kanan) menyerahkan kain rentang ekspedisi Climb with Pride - Aconcagua 2007 kepada Rene'e (tiga dari kiri) sambil diperhatikan dari kiri Harun, Arumugam, Khairul dan Stephanie Chok (kanan).

Pesakit barah sahut cabaran daki Gunung Aconcagua

SEKUMPULAN enam wanita yang terselamat daripada penyakit barah dan penyokongnya berlepas ke Argentina Sabtu lalu dalam percubaan mereka mendaki Gunung Aconcagua setinggi 6,959 meter yang dianggap sebagai puncak paling tinggi di barat dan selatan hemisfera.

Pengerusi Yayasan Pride, Datin Azrene Abdullah yang juga menantu Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan majlis pelepasan kumpulan berkenaan di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Turut hadir pada majlis itu

ialah beberapa penyokong dan penaja ekspedisi itu iaitu Tan Sri AP Arumugam, Khairul Ariffin Ibrahim dan Harun Rahman.

Yayasan itu yang juga sebuah pertubuhan amal bagi penyakit barah payudara menganjurkan ekspedisi 26 hari itu yang diketuai Rene'e Aziz Ahmad, 45 tahun.

Melalui ekspedisi Climb with Pride - Aconcagua 2007, mereka berhasrat menarik perhatian pesakit barah payudara, memberikan inspirasi kepada pesakit barah yang terselamat dan meningkatkan kesedaran dan sokongan masyarakat.

Rene'e memberitahu pemberita bahawa mereka dijangka menghadapi cuaca sejuk ketika pendakian itu yang ditaja Eau Claire.

Tahun lalu saja, 70 peratus daripada pendaki gagal sampai ke puncak disebabkan perubahan cuaca yang mendadak. Gunung Aconcagua terletak di wilayah Mendoza, barat Argentina. Namanya diambil daripada perkataan pribumi bermakna Batu Pengawal.

Aconcagua mula didaki pada 1897, di bahagian barat daya gunung itu oleh penunjuk arah gunung berbangsa Switzerland Matthias Zurbriggen.

- Bernama